

7.4.2025  
Siaran Media

**DATO' IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

**GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL (SWSI) APRIL 2025: PEMULIHAN BEKALAN AIR UNTUK 40% PENGGUNA YANG TERJEJAS DALAM 24 JAM DAN 88% DALAM 48 JAM**

• <b>SWSI APRIL 2025</b>	
<b>Jumlah pengguna terjejas</b>	<b>341,708 pengguna</b>
• <b>PELAN PEMULIHAN BEKALAN AIR YANG DISASARKAN</b>	
<b>24 jam</b>	<b>136,683 pengguna (40%)</b>
<b>48 jam</b>	<b>300,185 pengguna (88%)</b>
<b>60 jam</b>	<b>341,708 pengguna (100%)</b>

PULAU PINANG, Isnin, 7.4.2025: PBAPP merancang untuk memulihkan perkhidmatan bekalan air dalam tempoh 24 jam untuk kira-kira 40% daripada pengguna yang terjejas akibat gangguan bekalan air berjadual di Pulau Pinang pada April 2025.

Dalam tempoh 48 jam, perkhidmatan bekalan air dijangka pulih untuk kira-kira 88% pengguna yang terjejas, termasuk kilang-kilang di kawasan perindustrian utama Pulau Pinang serta Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Dalam tempoh 60 jam, bekalan air dijangka pulih sepenuhnya untuk semua pengguna yang terjejas.

SWSI April 2025 akan menjejaskan sebanyak 341,708 pengguna air di kawasan berikut:

- **Seberang Perai Utara (SPU):** Kawasan di sekitar Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, Bagan Dalam, Bagan Jermal dan Butterworth, serta kawasan paling selatan Permatang Berangan, Sungai Puyu dan Sungai Dua.

Tidak terjejas di SPU	Bertam, Kepala Batas, Penaga, Pinang Tunggal, Tasek Gelugor dan Telok Air Tawar, serta kebanyakan kawasan di utara LRA Sungai Dua di Sungai Dua, Sungai Puyu dan Permatang Berangan.
-----------------------	--

- **Seberang Perai Tengah (SPT):** Alma, Berapit, Bukit Minyak, Bukit Tengah, Machang Bubok, Padang Lallang, Penanti, Perai, Permatang Pasir, Permatang Pauh dan Seberang Jaya.



# PBA

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

Tidak terjejas di SPT	Bukit Mertajam dan kawasan berhampiran.
-----------------------	---

- **Seberang Perai Selatan (SPS):** Kawasan Perindustrian Batu Kawan, Bukit Tambun, Jawi, Nibong Tebal (bahagian utara), Simpang Ampat, Sungai Bakap (kawasan utara) dan Valdor.

Tidak terjejas di SPS	Kawasan paling selatan Nibong Tebal, Sungai Acheh dan Sungai Bakap (kawasan perkhidmatan LRA Bukit Panchor).
-----------------------	--

- **Daerah Timur Laut (DTL), bahagian pulau:** Batu Lanchang, Gelugor, George Town, Green Lane, Gurney Drive, Island Glades, Island Park, Jelutong, Komtar, Minden Heights, Sungai Dua dan USM serta beberapa kawasan kejiranan di Dato' Keramat, Farlim dan Pulau Tikus.

Tidak terjejas di DTL	Air Itam, Farlim (utara), Paya Terubong, Bukit Pulau Pinang, Pulau Tikus (majoriti kejiranan), Air Terjun, Mount Erskine, Taman Jesselton, Tanjong Tokong, Tanjong Bungah dan Batu Ferringhi.
-----------------------	---

- **Daerah Barat Daya (DBD), bahagian pulau:** Balik Pulau (kawasan kejiranan selatan), Batu Maung, Batu Uban, Bayan Baru, Bayan Lepas (termasuk kawasan Zon Perdagangan Bebas), Bukit Jambul, Bukit Penara, Gertak Sanggul, Kampung Terang, Pantai Jerejak, Permatang Damar Laut, Pulau Betong, Taman Relau, Sungai Ara, Sungai Batu dan Teluk Kumbar.

Tidak terjejas di DBD	Balik Pulau (kawasan kejiranan utara), Sungai Pinang dan Teluk Bahang.
-----------------------	--

Untuk butiran lebih terperinci mengenai kawasan dan peta yang terjejas, sila lawati halaman Facebook "PBAPP" dan/atau laman web [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my).

### **Jadual: Pemulihan Bekalan Air di Kawasan Terjejas**

SWSI April 2025 dijadualkan bermula pada sebelah malam hari Jumaat dan pada hujung minggu untuk meminimumkan kesulitan bagi pengguna yang terjejas.

PBAPP merancang untuk memulihkan perkhidmatan bekalan air untuk pengguna yang terjejas oleh SWSI April 2025 mengikut jadual berikut:

Gangguan Bekalan Air Berjadual (SWSI) April 2025: Pemulihan Bekalan Air untuk 40% Pengguna yang Terjejas dalam 24 Jam dan 88% Dalam 48 Jam



# PBA

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

Tarikh	Masa	Perkembangan
25.4.2025 (Jumaat)	10.00 malam	<ul style="list-style-type: none"><li>Henti tugas separa operasi bekalan air di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua.</li><li>Gangguan bekalan air berjadual untuk 431,708 pengguna air di 5 daerah di Pulau Pinang.</li><li>23 projek kerja air berjadual di 26 lokasi bermula.</li></ul>
26.4.2025 (Sabtu)	4.00 petang	<ul style="list-style-type: none"><li>Semua projek kerja air siap.</li><li>Operasi pemulihan bekalan air bermula.</li></ul>
	10.00 malam	<ul style="list-style-type: none"><li>40% pemulihan bekalan air.</li><li>Seberang Perai: Semua Kawasan di SPU dan SPT.</li><li>Bahagian pulau: Semua Kawasan di DTL.</li></ul>
27.4.2025 (Ahad)	10.00 malam	<ul style="list-style-type: none"><li>88% pemulihan bekalan air.</li><li>Seberang Perai: Semua kawasan di SPS kecuali Kampung Sungai Baong, Kampung Wellesley, Taman Seruling Emas, Taman Widuri, Sungai Duri dan Kuarters Penjara.</li><li>Bahagian pulau: Semua kawasan di DBD kecuali Balik Pulau (kawasan kejuranan selatan), Gertak Sanggul, Kampung Terang, Pulau Betong dan Sungai Ara.</li></ul>
28.4.2025 (Isnin)	10.00 pagi	Pemulihan penuh bekalan air.

PBAPP memohon maaf atas segala kesulitan yang akan timbul disebabkan oleh SWSI April 2025. Pengguna yang terjejas dinasihatkan untuk merancang lebih awal dengan menyimpan bekalan air yang mencukupi untuk kegunaan selama 24 jam, 48 jam atau 60 jam, bergantung kepada kawasan kediaman atau tempat kerja masing-masing.

**Kami juga akan mengumumkan pelan penghantaran lori tangki air yang komprehensif lewat minggu ini untuk mengurangkan kesulitan orang awam semasa SWSI April 2025.**

SWSI ini merupakan satu-satunya gangguan bekalan air berjadual yang akan dilaksanakan oleh PBAPP pada tahun 2025. Tujuan utamanya adalah untuk melaksanakan 23 projek kerja air di 26 lokasi di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Projek-projek ini adalah penting untuk menaik taraf dan menambah baik perkhidmatan bekalan air kepada sejumlah 465,000 pengguna air di kawasan perkhidmatan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, iaitu LRA terbesar dan paling penting di Pulau Pinang.

Gangguan Bekalan Air Berjadual (SWSI) April 2025: Pemulihan Bekalan Air untuk 40% Pengguna yang Terjejas dalam 24 Jam dan 88% Dalam 48 Jam

/ Page 3 of 4

Pada 2024, PBAPP melabur RM31 juta untuk menaik taraf kapasiti rawatan air maksimum LRA Sungai Dua kepada 1,342 juta liter sehari (JLH).

Kini, PBAPP melabur tambahan RM25 juta untuk projek berkaitan pengepaman air terawat yang lebih efektif dan cekap daripada LRA Sungai Dua pada 25.4.2025 dan 26.4.2025.

Kejayaan menyiapkan projek-projek ini akan membolehkan PBAPP mengepam lebih banyak air pada tekanan yang lebih tinggi kepada 66% pelanggannya di Pulau Pinang. Projek-projek ini juga akan memudahkan pemulihan bekalan air yang lebih cepat daripada SWSI dan UWSI masa depan (gangguan bekalan air tidak berjadual yang berlaku berikutan insiden) di Pulau Pinang.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh: Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Seksyen Komunikasi Korporat  
Email : [comms@pba.com.my](mailto:comms@pba.com.my)